



SIARAN MEDIA

SAHABAT B.I.J.A.K : ‘SAFE AND PROTECT’ KESELAMATAN KANAK-KANAK TANGGUNGJAWAB BERSAMA

KUCHING, 17 OGOS 2015 – Menyedari akan keadaan keselamatan kanak-kanak di Malaysia yang kini pada tahap yang agak membimbangkan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menterjemahkan satu inisiatif baharu seperti yang terkandung dalam Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara dengan melaksanakan Kempen Kesedaran Kanak-Kanak Sahabat B.I.J.A.K : ‘Safe and Protect’.

Menurut Menterinya, YB Dato’ Sri Rohani Abdul Karim, dengan adanya kempen ini ianya dilihat dapat mendidik dan menerap kepada minda kanak-kanak prosedur bagi mencegah sebarang kemalangan yang bakal berlaku terhadap mereka seawal mungkin.

“Kita tidak boleh beranggapan bahawa kanak-kanak mengetahui tentang risiko dan bahaya yang ada memandangkan kemalangan boleh berlaku di mana-mana sahaja sama ada di rumah, di sekolah, di padang permainan, di dalam kenderaan atau bas sekolah apatah lagi di jalan raya,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Pelancaran Kempen Keselamatan Kanak-Kanak Sahabat B.I.J.A.K : ‘Safe and Protect’ Peringkat Negeri Sarawak.

“Semua pihak harus memainkan peranan penting dalam melakukan pengawasan dan penjagaan terhadap kanak-kanak sama ada di dalam mahupun di luar rumah termasuklah juga pendidikan keselamatan kanak-kanak di sekolah.

Pihak sekolah khususnya para guru perlulah sentiasa peka dan bertanggung jawab bagi memastikan keselamatan kanak-kanak di

sekolah tidak diabaikan, agar mereka sentiasa berada dalam keadaan selamat. Para guru perlu membantu kanak-kanak mengambil langkah berjaga-jaga dengan memastikan mereka mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah," tambah Rohani lagi.

Kekuatan pasukan Sahabat B.I.J.A.K ini adalah hasil kolaborasi Jabatan bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pendidikan, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Jabatan Kesihatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan agensi-agensi kerajaan yang lain serta badan-badan korporat terlibat.

"Susulan dari penstrukturkan mantap pasukan ini, Kempen Keselamatan Kanak-kanak akan bergerak secara aktif dan diperluaskan secara berterusan merentasi peringkat sekolah menengah, Pusat Aktiviti Kanak-Kanak, pusat membeli-belah dan lain-lain tempat yang bersesuaian," katanya lagi.

"Saya amat berharap dengan adanya program pencegahan dan advokasi yang dijalankan secara berterusan ini, akan berlaku penurunan kes melibatkan keselamatan kanak-kanak apabila mereka faham akan pentingnya menjaga keselamatan diri sekaligus menikmati kehidupan serta persekitaran yang selamat dan kondusif," tegas beliau.

Turut hadir dalam mesyuarat tersebut ialah, YBhg Tn.Hj Abg Shamsudin Abg Seruji, Pengarah JKM Negeri Sarawak, Encik Arfan Sulaiman, Pengarah Bahagian Kanak-Kanak JKM, pegawai-pegawai kanan KPWKM dan JKM.

####

Disediakan oleh : Jabatan Kebajikan Masyarakat
Aras 6, 9-18, No. 55
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya

No.Telefon : 019-2333110 (Haneem) / 012-376 8760 (Laila)
Tarikh dikeluarkan : 17 Ogos 2015